

05 FEB 1998

MAJLIS TINDAKAN EKONOMI SABAH DITUBUHKAN

KOTA KINABALU, 5 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee hari ini mengumumkan pembentukan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) di peringkat negeri untuk menangani isu-isu dan cabaran yang timbul daripada keadaan ekonomi sekarang.

Yong berkata agenda utama NEAC Sabah ialah untuk merangka strategi yang komprehensif untuk meringankan kesan krisis ekonomi serantau dan pada masa yang sama memaksimumkan peluang-peluang yang ada.

"Tujuannya ialah untuk menggunakan sumber-sumber kita di sektor yang lebih produktif dan mengurangkan kesan terhadap agenda sosio-ekonomi jangka panjang Sabah," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata mesyuarat pertama NEAC Sabah akan diadakan pada 10 Feb di bangunan Dewan Undangan Negeri, dengan Institut bagi Kajian Pembangunan (Sabah) dilantik sebagai sekretariat majlis itu.

Yong berkata pembentukan majlis itu di peringkat negeri akan melengkapkan tugas Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

NEAC Sabah dianggotai menteri-menteri kabinet negeri selain pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Ketua Pegawai Eksekutif Inniorise Corporation Sdn Bhd, badan pelaburan Yayasan Sabah. -- BERNAMA

EM AKD